



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMY  
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**KARNIVAL PERPADUAN SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN**

**7 SEPTEMBER 2024**

**DEWAN TERBUKA FELDA SERTING HILIR 2**

Selamat petang, Salam Perpaduan Malaysia MADANI.

## **SALUTASI**

*\*Salutasi terkini akan disediakan secara berasingan*

## **PENDAHULUAN**

**Para hadirin yang dihormati,**

1. Saya sangat berbesar hati dapat bersama dengan tuan-tuan dan puan-puan dalam program yang amat bermakna iaitu Karnival Perpaduan Sempena Bulan Kemerdekaan pada malam ini.
2. Saya mengucapkan jutaan tahniah kepada Persatuan Belia (MBFM) FELDA Serting Hilir 2 dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara serta rakan kerjasamanya iaitu Majlis Belia India Malaysia (MYIC) cawangan Kuala Pilah, Persatuan Penganut Agama Buddha SHAN YUAN Jempol Negeri Sembilan dalam melaksanakan program yang amat penting ini dalam membawa hasrat kerajaan untuk menyatupadukan rakyat Malaysia.
3. Saya difahamkan karnival Perpaduan ini adalah program yang julung kalinya diadakan di FELDA Serting Hilir 2. Persatuan Belia (MBFM) FELDA Serting Hilir 2 telah melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta beberapa NGO daripada pelbagai bangsa, agama dan latar belakang dalam pengajuran karnival ini. Hal ini menunjukkan komitmen pihak Persatuan Belia (MBFM)

FELDA Serting Hilir 2 dalam melaksanakan usaha-usaha meningkatkan semangat cintakan negara, mempromosi perpaduan dan memupuk nilai-nilai murni demi kesejahteraan dan keharmonian negara ini.

## **DASAR PERPADUAN NEGARA**

**Para hadirin yang dihormati,**

4. KPN telah membangunkan Dasar Perpaduan Negara sebagai sebuah dasar utama bagi menzahirkan usaha dan matlamat Kerajaan ke arah membentuk penyatuan serta kesepaduan nasional.
5. Dasar Perpaduan Negara telah diperkenalkan pada tahun 2021 dan berasaskan kepada **Perlembagaan Persekutuan serta Rukun Negara** dengan penetapan tiga (3) Teras Perpaduan sebagai teras strategik dasar tersebut iaitu:
  - (i) Patriotisme dan Demokrasi;
  - (ii) Identiti Nasional; dan
  - (iii) Ekosistem Perpaduan.
6. Dasar Perpaduan Negara merupakan dasar pertama negara yang menetapkan hala tuju bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan melalui strategi-strategi khusus agar perpaduan menjadi budaya dan amalan hidup yang diperakui, dihargai serta diimpikan oleh semua rakyat Malaysia.

7. Dasar ini diperkuuh melalui Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030 yang dihasilkan bagi menyokong serta menterjemah Dasar Perpaduan Negara ke dalam bentuk program dan inisiatif yang lebih terancang.
8. Pelaksanaan PTPN 2021-2030 merentas pelbagai Kementerian/ Agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta secara bersepadu yang menekankan prinsip kebertanggungjawaban bersama dalam mengukuhkan perpaduan masyarakat pelbagai bangsa, agama dan budaya berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

## **MALAYSIA MADANI**

9. Kementerian Perpaduan Negara komited menjayakan konsep Malaysia MADANI yang diiltizamkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. MADANI bertindak sebagai ikhtiar yang menjelaskan strategi bagi mentadbir negara dengan berkesan. Mewujudkan sebuah masyarakat maju, terampil dan terangkum dan akhirnya membentuk Malaysia menjadi sebuah negara yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati serta bersikap ihsan berdasarkan keyakinan antara satu sama lain.

10. Dengan itu, Kerangka Membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian telah dibentuk oleh Kementerian Perpaduan Negara berdasarkan gagasan Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi dan Dasar Perpaduan Negara serta dokument-dokumen lain yang berkaitan di bawah KPN.
11. Kerangka Membangun Malaysia MADANI ini bertujuan untuk mewujudkan suatu kerangka rujukan kepada Kementerian Perpaduan Negara bagi melaksanakan program dan aktiviti berteraskan usaha ke arah melahirkan masyarakat MADANI dalam kalangan rakyat berbilang kaum.
12. Di bawah Kerangka Membangun Malaysia MADANI, KPN juga telah memperkenalkan Kembara Perpaduan Malaysia MADANI sebagai program *flagship* yang memayungi tiga (3) kluster aktiviti iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.
13. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI ini berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) dan masyarakat keseluruhannya.
14. Oleh itu, KPN mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Belia (MBFM) FELDA Serting Hilir 2 atas sokongan dan kerjasama

melalui penganjuran program di bawah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI khususnya program Karnival Perpaduan sempena bulan kemerdekaan pada hari ini.

## **KARNIVAL PERPADUAN**

**Para hadirin yang dihormati,**

15. Perpaduan adalah tunjang kekuatan negara. Dengan berpegang kepada prinsip ini, kita dapat membina masyarakat yang harmoni, bersatu padu dan maju. Dalam suasana masyarakat yang pelbagai seperti di negara kita, adalah penting bagi kita untuk sentiasa mengamalkan sikap toleransi dan saling memahami antara satu sama lain.
16. Kita semua mempunyai tanggungjawab dalam memastikan setiap individu merasakan dirinya dihargai dan diterima. Karnival perpaduan ini adalah platform yang baik untuk kita merapatkan hubungan dan mengukuhkan ikatan antara pelbagai lapisan masyarakat.
17. Karnival Perpaduan ini merupakan satu langkah penting dalam usaha kita untuk memperkuatkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat FELDA. Dalam keadaan dunia yang semakin kompleks dan pelbagai, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan bahawa nilai-nilai perpaduan dan kerjasama sentiasa diutamakan.

18. Kita harus menyedari bahawa perpaduan adalah teras kepada kekuatan negara. Ia bukan sahaja menyatukan pelbagai bangsa, budaya, dan agama, tetapi juga memastikan bahawa setiap individu mempunyai tempat dan suara dalam masyarakat kita. Dengan semangat perpaduan, kita dapat menghadapi cabaran-cabaran yang ada dan membina masa depan yang lebih cerah untuk generasi akan datang.
19. Program pada hari ini sememangnya sangat penting bagi masyarakat FELDA, saya yakin para hadirin akan dapat memahami dan menghayati erti Perpaduan. Dengan pemahaman yang jelas tentang Perpaduan, diharapkan kita akan lebih berbangga menjadi rakyat Malaysia dan dapat lebih menghargai dan menghormati golongan masyarakat yang berlainan bangsa, agama dan budaya daripada kita.

## **PENUTUP**

**Para hadirin yang dihormati,**

20. “**Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka**” ialah tema yang diangkat untuk sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun 2024. Tema ini bertujuan menyuburkan nilai-nilai MADANI dalam jiwa rakyat Malaysia. Nilai-nilai MADANI berupaya menjadi benteng menghadapi masa hadapan yang sangat mencabar dan berisiko khususnya pada era digital ini.

21. Justeru, pemimpin dan rakyat perlu seiring dan sejalan untuk membina sebuah negara dan peradaban yang unggul.
22. Akhir kata, mari kita terus hidupkan semangat “Malaysia MADANI, Jiwa Merdeka” dalam setiap aspek kehidupan kita.
23. Semoga Karnival Perpaduan ini berjalan lancar dan mencapai matlamatnya. Dengan besar hati saya merasmikan majlis ini.

Sekian, terima kasih.